



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
05 APRIL 2018 (KHAMIS)**

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|------------------------------|----|
| - Penduduk bantah notis MPAJ | 22 |
|------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
05 APRIL 2018 (KHAMIS)

Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Penduduk bantah notis MPAJ
Muka Surat	22

Penduduk bantah notis MPAJ

Bimbang belakar di kawasan tapak sekolah jadi habitat haiwan berbisa

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN INDAH

Penduduk bersama Lembaga Pembangunan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Choon Hwa Pandan, di Taman Lembah Maju di sini, membantah tindakan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang mengeluarkan arahan memberhentikan kerja di tapak sekolah itu.

Timbalan Pengerusi Lembaga Pembangunan SJKC Choon Hwa berkata, pihak berkuasa tempatan itu memberi alasan pihak kontraktor yang dilantik oleh pihak sekolah untuk kerja pemotongan rumput itu telah melakukan kerja-kerja tanah tanpa kelulusan MPAJ.

"Kerja pembersihan itu dilaksanakan hampir dua minggu



Leong Kok Wee bersama penduduk membantah tindakan MPAJ mengeluarkan arahan memberhentikan kerja di tapak sekolah itu.

lalu, MPAJ turut memberi arahan kepada kita agar mengemukakan pelan kelulusan kepada mereka malu kita tamam balik? Kita bersihkan semak samun itu supaya kita tidak mahu ia menjadi habitat haiwan berbisa seperti ular," katanya.

Kok Wee berkata, arahan MPAJ itu adalah tidak munasabah.

"Semak samun yang sudah kita bersihkan itu, adalah mereka malu kita tamam balik? Kita bersihkan semak samun itu supaya kita tidak mahu ia menjadi habitat haiwan berbisa seperti ular," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Menurutnya, tapak itu merupakan rizab untuk bina sekolah.

"Penempatan semula sekolah yang kini terletak di Batu 18 Hulu Langat ke Ampang, tidak dapat dilakukan berikutan pembangunan sekolah itu tidak diluluskan oleh MPAJ.

info

Penempatan semula sekolah yang kini terletak di Batu 18 Hulu Langat ke Ampang, tidak dapat dilakukan berikutan pembangunan sekolah itu tidak diluluskan oleh MPAJ.

"Kita telah buat segalanya seperti yang diarahkan oleh MPAJ, pihak sekolah juga telah mengeluarkan kos RM25,000 melantik perunding untuk membuat laporan Kajian Impak Trafik (TIA)," katanya.

Beliau berkata, pihak sekolah berharap Kerajaan Negeri Selangor dapat memenuhi permintaan dan keperluan masyarakat.

"Saya berharap mereka dapat meluluskan pembinaan sekolah ini dengan segera," katanya.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad ketika dihubungi mengesahkan MPAJ telah mengeluarkan notis tersebut.

"Semakan MPAJ mendapat pemaju melaksanakan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran MPAJ," katanya.